

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 DECEMBER 2016

DR. M - DAP

APA sudah jadi dengan Dr. Mahathir Mohamad? Pemimpin yang sentiasa menyeru rakyat berwaspada dengan muslihat DAP kini diperkudakan oleh parti itu. Juga pemimpin paling lantang menjijikkan DAP, sekarang khianati Melayu pula. Malah mempersenda Nabi Muhammad SAW di pentas DAP demi politik.

Dengan apa yang berlaku, DAP telah mencapai kemuncaknya mendapat tokoh utama Melayu bagi membunuh kuasa politik Melayu seperti ceramah berapi-api Hew Kuan Yau, yang kini viral.

Kehadiran Mahathir pada Persidangan Agung DAP serta memuji-muji DAP, membuka persoalan lebih besar dan mengundang kemelut yang lebih kompleks. Rata-rata orang Melayu melihat Mahathir makin mencela dirinya sendiri pada hujung usia kerana menukar prinsip secara songsang. Video rakaman siri ucapan beliau memaparkan percanggahan 360 darjah nadanya terhadap DAP yang viral, sedikitpun tidak menjadikan beliau malu menjilat ludah sendiri.

Awang bersimpati dengan beliau kerana makin hanyut dibawa dendam kesumat. Beliau telah terlepas satu demi satu kesempatan untuk menyakinkan rakyat terutama orang Melayu dengan cara yang elegan.

Agaknya merasakan diri tewas dalam percaturan menjatuhkan Najib setakat ini maka Mahathir tidak keruan sehinggakan DAP mendapat nikmat memperkudakan musuh nombor satunya selama ini. Pada firasat Awang, pemimpin utama DAP, Lim Kit Siang bukan sahaja menggunakan Mahathir untuk membunuh Najib tetapi juga Anwar Ibrahim. Dengan layanan istimewa Kit Siang pada Mahathir pada persidangan itu, Presiden PKR, Wan Azizah Wan Ismail iaitu proksi Anwar seperti tiada nilai walaupun berstatus ketua pembangkang. Kebelakangan ini juga Anwar tidak lagi menjadi perhatian selepas DAP menjulang Mahathir.

Awang boleh faham mengapa Mahathir lebih menjadi sandaran kerana beliau paling lantang menyerang UMNO dan Najib serta boleh digunakan semaksimumnya bagi menepati agenda DAP. Umpama ayam sabung



KEMESRAAN antara Mahathir dan Kit Siang yang dilihat mampu menjadi liabiliti kepada Pakatan Harapan.

baharu yang tajinya lebih tajam dan beracun. Dengan senario terbaharu ini, ia menyerlahkan lagi hakikat Kit Siang sebagai de facto Pakatan Harapan. Maka lebih mudah untuk Kit Siang mencapai sasaran tertentu antaranya jawatan Timbalan Perdana Menteri daripada kaum Cina sekiranya Pakatan Harapan menang pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14).

Dengan perpecahan orang Melayu dan majoriti Cina masih memilih DAP antaranya disebabkan kegagalan MCA, ia tidak sukar dicapai. Bagaimana pula jawatan Perdana Menteri?

Walaupun perundangan persekutuan memperuntukkan jawatan itu kepada orang Melayu namun DAP boleh menentukan pemimpin Melayu yang mengikut telunjuknya menjadi Perdana Menteri.

Itulah harapan Kit Siang dan anaknya Setiausaha Agung, Lim Guan Eng daripada Dinasti Lim.

Namun lain pula cangkang sebahagian pengikut tegar DAP seperti Shamser Singh. Mereka bimbang Mahathir akan menjadi liabiliti kepada Pakatan Harapan terutama DAP. Suara-suara bantahan terhadap kerjasama dengan Mahathir terus kedengaran kerana ramai penyokong DAP masih tidak percayakan beliau. Kalau Mahathir boleh berubah ekstrem memeluk Kit Siang, inikan pula kembali berbaik dengan Najib suatu hari nanti untuk menikam DAP.

Awang melihat ini semua soal percaturan, bagaimana strategi politik Najib akhirnya tanpa disedari mendorong Mahathir yang dirasuk amarah memasuki zon DAP dengan bom senyap menanti ledakan. Boleh ditafsir Najib bagaikan mengutuskan Mahathir untuk 'mengajar' DAP sambil pengasas Parti Pribumi Bersatu Malaysia itu terkulai kecundang akhirnya. Strategi siapa akan berhasil, kita tunggu. Tetapi biasanya orang yang amarah, dikuasai dendam dan tidak sabar akan rugi.

UM - 11/12/2016

Pada firasat Awang, pemimpin utama DAP, Lim Kit Siang bukan sahaja menggunakan Mahathir untuk membunuh Najib tetapi juga Anwar Ibrahim.